

# Kebendaan dan kerohanian ummah perlu seimbang

BH  
25/7  
M-10  
P-1

ISLAM telah diutuskan kepada manusia sebagai penyempurna segala syariat yang diturunkan oleh Allah s.w.t., memansuhkan segala agama yang pernah dilahirkan oleh manusia melalui pengalaman mereka mencari tuhan dan menolak sama sekali aliran pemikiran atau falsafah yang terdasya dicipta oleh manusia dari sejak kelahiran Adam a.s. hingga hari kiamat kelak yang bertentangan dengan Islam.

Hal ini terpanca dari keadaan kelemahan agama-agama lain selain daripada Islam, sama ada agama yang berasaskan kepada kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah s.w.t. iaitu Taurat, Zabur dan Injil yang telah disesatkan oleh bangsa Yahudi atau agama ciptaan manusia seperti Buddha, Hindu dan lain-lain lagi. Juga ada kekurangan yang ketara dalam aliran pemikiran yang dicetuskan oleh manusia iaitu isme-isme yang beraneka rupa.

Agama-agama yang ada di dunia ini hanya mementingkan aspek kerohanian sahaja dengan menggalakkan manusia itu hidup dalam keadaan zuhud dan meninggalkan sama sekali keseronokan dan kehidupan yang berbentuk keduniaan seperti yang terdapat dalam agama Buddha, Hindu dan lain-lain selain daripada Islam. Sedikit sebanyaknya aliran pemikiran yang ada pada mas kini yang berpusat pada modernisme yang bercirikan sekularisme, humanisme dan materialisme menafikan sama sekali nilai-nilai ketuhanan, kerohanian dan keakhiratan.

Sedangkan Islam memadukan kedua-dua unsur tadi dalam satu ikatan yang unggul, padu dan erat setiap masa dan tempat. Ini disebabkan fitrah semula jadi manusia itu sendiri terdiri daripada dua unsur utama iaitu jasmani dan rohani.

Penafian satu aspek dari keduanya adalah sesuatu yang mencemari atau memusnahkan fitrah semula jadi manusia itu sendiri. Justeru itu hanya Islam sahajalah agama fitrah semula jadi manusia yang berjaya menseimbangkan di antara unsur kejasmanian dan kerohanian atau unsur kebendaan dan unsur kerohanian atau unsur keduniaan dan unsur keakhiratan yang berjaya memberikan kebahagiaan, keamanan dan kesejahteraan hidup manusia di atas muka bumi ini dan di akhirat kelak.

Allah s.w.t. menjadikan segala yang berada di atas daratan dan di lautan dan segala keindahan semesta-mata untuk kegunaan kehidupan manusia di atas muka bumi ini. Justeru itu adalah sia-sia sahaja segala kejadian alam ini jika sekiranya Allah s.w.t. melarang manusia menikmati kenikmatan alam ini. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

"Katakanlah: Siapakah yang mengharamkan perhiasan daripada Allah yang telah dikeluarkannya untuk hamba-Nya dan (diharamkan)?"

Oleh  
**MUSTAFA HAJI DAUD**

man dalam kehidupan di dunia, khusus (untuk mereka sahaja) di akhirat". — (Surah al A'raf: 32).

Bagaimanapun jika manusia digalakkan semata-mata menggunakannya tanpa batasan nescaya akan merosakkan diri mereka sendiri. Misalnya apakah akan terjadiandainya manusia itu kerjanya hanya makan dan minum sahaja, tentu merosakkan jasmani. Juga, jika digalakkan manusia mengumpulkan harta semata-mata sudah pasti manusia akan bersifat tamak dan berusaha menimbunkan harta melalui apa sahaja cara sama ada halal atau haram.

Sifat cintakan harta pasti akan membawa keburukan kepada diri mereka dan masyarakat pada keseluruhannya. Sifat inilah yang bertanggungjawab melahirkan kapitalisme yang menghalalkan segala sesuatu yang boleh mendatangkan wang seperti perjudian, pelacuran dan sebagainya.

Bagi mengimbangi sifat kejasmanian yang rakus dan tamak ini Allah s.w.t. telah menjadikan dalam keindahan dan kenikmatan alam ini unsur yang juga boleh mendatangkan keburukan kepada manusia. Contohnya dijadikan haiwan yang beracun yang tidak boleh dimakan. Lahirlah perundangan Islam yang menghalalkan yang baik-baik dan mengharamkan yang merosakkan.

## Mencegah kemungkar

Di sinilah letaknya kepentingan faktor kerohanian atau keimanan yang bakal membimbing manusia ke arah kesempurnaan hidup. Ini disebabkan segala perundangan Islam tetap bermatlamat untuk keselamatan akidah, syarak, akhlak, akal, jasmani, harta benda dan keturunan.

Contohnya di samping Allah s.w.t. menghalalkan seribu satu jenis makanan yang lazat-lazat dan enak, Allah juga telah mengharamkan minuman keras, judi, bertenung nasib dan sebagainya. Ini disebabkan semua perkara itu merosakkan akal, harta benda dan jasmani. Hal ini dijelaskan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, sesungguhnya minuman khamar, arak, berjudi, bertenung nasib dengan panah, adalah perbuatan yang keji yang tergolong dalam perbuatan syaitan. Kerana itu, jauhilah perbuatan-perbuatan itu agar kamu mendapat keberuntungan". — (Surah al Ma'idah: 90).

Dalam ibadat khusus seperti sembahyang dan berpuasa yang berupa faktor kejasmanian, itu juga terdapat unsur kerohanian. Di samping amal ibadat itu dapat menjaga kesihatan tubuh badan, sembahyang yang dikerjakan secara khusus akan

s.w.t., yang bakal dapat mengawal diri seseorang daripada melakukan maksiat. Hal ini ditegaskan oleh Allah s.w.t. dalam ayat yang bermaksud:

".....dirikanlah sembahyang, sesungguhnya sembahyang itu mencegah dari kemungkaran". — (Surah al Ankabut: 45).

Apabila dikaitkan dengan keadaan yang ada pada hari ini, kemajuan kebendaan itu terlalu jauh ke hadapan, sedangkan kemajuan kerohanian terlalu jauh ketinggalan di belakang. Inilah punca kegagalan manusia dan tamadunnya menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan hidup mereka sendiri. Tidak hairanlah jika terdapat ramai orang mengidap penyakit saraf. Ini disebabkan impian kebahagiaan tidak tercapai, sedangkan mereka beranggapan bahawa kemampuan kebendaan asas kebahagiaan.

Tamadun kini yang berasaskan kepada kebendaan semata-mata menjadi racun yang memusnahkan manusia. Dunia yang serba moden ini dilanda oleh peperangan, kebuluran, penyakit, bencana alam dan sebagainya yang sebahagian besarnya dicetuskan oleh manusia sendiri. Ekoran daripada ketidakseimbangan antara faktor kejasmanian dan kerohanian.

Tamadun dan kemajuan yang sebenarnya ialah yang dapat memberikan kebahagiaan kedua-dua unsur iaitu kebendaan dan kerohanian yang semestinya berasaskan keimanan. Andainya iman dapat menjiwal, menghayati dan mewarnai kemajuan kebendaan, pasti kebahagiaan dan kesejahteraan yang dimimpikan oleh setiap manusia itu tercapai. Sehubungan dengan ini Allah s.w.t. berfirman yang bermaksud:

"Ketahuilah bahawa sesungguhnya kehidupan di dunia ini, hanyalah permainan dan sesuatu yang melalakan, perhiasan dan bermegah-megah di antara kamu serta berbangga-bangga tentang banyaknya harta. Seperti hujan yang tanam-tanamannya mengagumkan petani, kemudian tanaman itu menjadi kering dan kamu lihat warnanya kuning menjadi hancur". — (Surah al Hadid: 20).

Dalam ayat di atas Allah s.w.t. membawa satu tamsil ibarat bagaimana tamadun manusia yang tidak dihayati dengan iman, sama seperti tanaman yang begitu subur dan mengeluarkan hasil yang lumayan. Bagaimanapun hasil itu menjadi hampa apabila hendak dituai. Hampa dalam ertikata kebahagiaan yang dimimpikan oleh manusia yang mencipta tamadun itu hancur musnah, apabila kemajuan itu hanya mencetuskan kesengsaraan kehidupan manusia sejagat.

Justeru itu konsep pembangunan dalam Islam ialah pembangunan bersepadu yang mementingkan kedua-dua aspek iaitu kebendaan dan kerohanian. Pengabaian satu aspek dan mengutamakan aspek yang lain tidak akan menghasilkan kebahagiaan yang diidamkan oleh manusia. Pembangunan itu tadi.